



ISBN 983-9762-01-X

DITERBITKAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN PENERANGAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENERANGAN

ABAS BIN SALLEH K.M.N. KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN PENERANGAN MALAYSIA
B 005 (B.M.). JULAI 1994 (020.)

DICETAK OLEH: HARIAN (ZULFADZLI) SDN. BHD.

APB713430

13 OCT 1994

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN



- 4 PRAKATA
- 6 PENDAHULUAN
- 8 SEJARAH BENDERA MALAYSIA
- 10 KETERANGAN PADA LAMBANG-LAMBANG BENDERA MALAYSIA
- 11 HAK MENGIBAR BENDERA
- 11 JENIS-JENIS BENDERA
- 11 TERMINOLOGI BENDERA
- 12 UKURAN BENDERA
- 14 TIANG BENDERA
- 17 CARA-CARA MENGIBAR BENDERA
- 20 BENDERA MALAYSIA, NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH PERSEKUTUAN
- 22 SUSUNAN KEUTAMAAN BENDERA
- 23 PENENTUAN ARAH PANDANGAN PENGIBARAN BENDERA

23 SUSUNAN DAN KEDUDUKAN BENDERA MALAYSIA APABILA
DIKIBARKAN

- Susunan Bendera Di Luar Dan Di Dalam Bangunan
- Susunan Pada Hari Biasa Dan Hari-Hari Kebesaran Persekutuan
- Susunan Pada Hari-Hari Kebesaran Negeri
- Susunan Apabila Mengibarkan Bendera Persekutuan Dengan Bendera Negeri-Negeri
- Susunan Di Persidangan Antarabangsa
- Susunan Di Gedung/Kedai/Rumah
- Susunan Dalam Keadaan Bersilang
- Susunan Semasa Lawatan Negara/Rasmi
- Susunan Bendera Khusus Bagi Acara Dalam Dewan/ Bangunan/Stadium
- Susunan Bendera Dalam Perarakan
- Susunan Dan Kedudukan Pada Dinding/Tembok Bangunan Atau Objek Yang Statik

42 CARA MENGHORMATI BENDERA

45 CARA MEMBUAT BENDERA

46 LAGU BENDERA KU

PRAKATA



JABATAN Perkhidmatan Penerangan Malaysia dengan bangganya menerbitkan Buku BENDERA KITA untuk dijadikan bahan rujukan dan panduan kepada masyarakat Malaysia umumnya seterusnya dapat menyeragamkan pengibaran Bendera Malaysia yang juga disebut sebagai Bendera Persekutuan.

Secara khusus, buku BENDERA KITA diwujudkan dengan harapan dan tujuan untuk memberi kefahaman serta panduan kepada Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan, Pihak Swasta, Badan-badan Politik, penuntut-penuntut sekolah dan institusi pengajian tinggi dan orang ramai.

Dengan mengenali Bendera Malaysia secara lebih dekat, maka diharapkan akan sesungguhnya menyemarakkan lagi semangat patriotik, perasaan bangga, menghormati dan memuliakan serta cinta dan taat setia kepada negara. Penghormatan kepada BENDERA KITA harus dijadikan sebagai iltizam setiap warga untuk mendaulatkan negara.

Jabatan ini ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Istiadat, Jabatan Perdana Menteri di atas kerjasama menyediakan bahan bagi penerbitan buku BENDERA KITA.



*Bendera
kita*

PENDAHULUAN



MANUSIA merasakan perlunya satu simbol atau lambang sebagai tanda dirinya, keluarganya dan negaranya. Simbol-simbol tersebut mempunyai berbagai-bagai bentuk di mana salah satu daripadanya ialah bendera. Bendera telah mula digunakan semenjak kurun ke-enambelas dalam bentuk, saiz, warna dan rekabentuk yang berbeza-beza.

Penggunaan bendera yang awal dapat dikesan ialah bendera yang digunakan pada tahun 1122 sebelum masihi oleh Maharaja Chou di China. Maharaja Chou iaitu Pengasas Dinasti Chou menggunakan bendera atau *banner* berwarna putih.

Dalam bahasa Inggerisnya, perkataan *Flag* berasal dari perkataan *Old Saxon* atau *German*, *Flaken* atau *Fleogan* yang membawa maksud mengibar atau mengapungkan di atas angin. Bagaimanapun kini perkataan bendera dikhususkan kepada rekabentuk kain yang dikibarkan dari tiang yang tegak (*vertical staff*).

Hari ini bendera adalah lambang kewujudan dan kedaulatan sesebuah wilayah, negeri atau negara. Bendera berkait rapat dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara. Pujangga pernah berkata 'Bendera adalah suatu perkara yang mudah iaitu tidak lebih daripada secebis kain berwarna. Walau bagaimanapun kerananya manusia sanggup bermati-matian'.



Bendera Persekutuan Tanah Melayu sedang dinaikkan menggantikan Bendera Union Jack pada tengah malam 30 Ogos 1957

Sejarah Bendera Persekutuan Tanah Melayu

Merdeka, Merdeka, Merdeka! - Tepat jam 12.00 malam 30 Ogos 1957 bertempat di Padang Kelab Selangor Bendera Union Jack diturunkan dan Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan penuh kegemilangan, melambangkan kemerdekaan negara yang tercinta. Beribu-ribu rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat dan bangsa serta pejuang-pejuang kemerdekaan menyaksikan peristiwa tersebut dengan penuh rasa bangga.

Sejarah penerimaan Bendera Persekutuan Tanah Melayu ialah melalui perjanjian dengan Majlis Raja-Raja di mana sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan dalam tahun 1949 untuk menimbang dan membuat perakuan berhubung dengan rekabentuk Bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Satu Pertandingan Peringkat Kebangsaan telah diadakan bagi memilih Bendera Persekutuan Tanah Melayu yang baru. Pertandingan ini diadakan oleh Majlis Perundangan Persekutuan dalam tahun 1949. Sebanyak 373 karyawan telah mengambil bahagian di mana tiga rekabentuk bendera dipilih ke peringkat akhir. Rekabentuk pertama ialah lambang keris bersilang di tengah-tengah dengan dikelilingi oleh 11 bintang pecah lima. Rekabentuk kedua hampir serupa dengan rekabentuk pertama kecuali 11 bintang pecah lima itu disusun dalam dua bulatan mengelilingi Keris Bersilang tersebut. Rekabentuk ketiga ialah 11 jalur biru-putih dengan Bulan Bintang berwarna kuning di bahagian tepi kiri.



*Bendera Persekutuan Tanah Melayu Semasa Dikibarkan
di Bangunan United Nation*

Majlis Perundangan Persekutuan menjemput orang ramai memberikan pendapat kepada ketiga-tiga rekabentuk tersebut. Pendapat umum itu telah dikelolakan oleh Akhbar *The Malay Mail*. Keputusan akhir yang disiarkan pada 28 November 1949 menunjukkan majoriti orang ramai memilih rekabentuk ketiga. Rekabentuk tersebut adalah ciptaan seorang Arkitek Kerajaan di Johor iaitu Encik Mohamad bin Hamzah.

Rekabentuk bendera tersebut dengan beberapa pindaan telah mendapat perkenan Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada 22 dan 23 Februari 1950. Pada 19 April 1950 Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan usul yang dibentangkan oleh Pemangku Ketua Setiausaha Negara seperti berikut:-

" That in the opinion of this Council the Flag of the Federation of Malaya should be as follows:- Eleven horizontal stripes alternately red and white in colour, the uppermost stripe being red, having a blue quarter with a crescent and eleven-pointed star in yellow superimposed, the standard size of the flag to be six feet by three feet".

Rekabentuk bendera tersebut telah mendapat kelulusan King George VI pada 19 Mei 1950. Pertama kali Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan ialah dalam satu majlis menaikkan bendera tersebut yang dianjurkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British pada 26 Mei 1950 di pekarangan Istana Sultan Selangor dengan dihadiri oleh D.Y.M.M Raja-Raja Melayu dan Pegawai-pegawai King George VI.



Upacara menaikkan Bendera Persekutuan Tanah Melayu pertama yang diadakan di pekarangan Istana Sultan Selangor pada 26 Mei 1950

HAK MENGIBAR BENDERA

Bendera adalah hak mutlak rakyat Malaysia. Sesiapa juga boleh mengibarkannya asalkan ianya dikibarkan mengikut amalan-amalan biasa mengibarkan bendera seperti tempat, masa, kedudukan saiz, tiang dan bendera serta susunan bendera sekiranya dikibarkan lebih daripada satu jenis bendera.

Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan, Badan-badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan Persekutuan diwajibkan mengibarkan bendera Persekutuan seperti diarahkan melalui Surat Pekeliling Am Bil. 3 tahun 1994.

Selain dari agensi-agensi Kerajaan dan rakyat biasa, pertubuhan dan persatuan sukarela, syarikat-syarikat, gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai dan gerai-gerai juga digalakkan mengibarkan Bendera Persekutuan sama seperti agensi-agensi Kerajaan.

JENIS-JENIS BENDERA

Bendera boleh dibahagi kepada 5 jenis iaitu:


- (i) Bendera Persekutuan - Malaysia
- (ii) Bendera Negeri-Negeri dalam Malaysia
- (iii) Bendera Wilayah-Wilayah Persekutuan
- (iv) Bendera Institusi - Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Syarikat, Pertubuhan, Persatuan dan lain-lain.
- (v) Bendera Peribadi - Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, D.D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu, T.T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri dan D.Y.T.M. Raja Muda/Tengku Mahkota.

TERMINOLOGI BENDERA

Mengikut amalan antarabangsa, bendera boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:-

- (i) Lebar (*width*)
- (ii) Panjang (*Length*)
- (iii) Bahagian Biru Tua (*Canton*)
- (iv) Bahagian Atas (*Top/Head*)
- (v) Bahagian Bawah (*Bottom/Foot*)
- (vi) Kepala (*Hoist*)
- (vii) Ekor (*Fly*)

Rajah 1: Terminologi Bendera



UKURAN BENDERA

Bendera mempunyai berbagai-bagai ukuran bergantung kepada tujuan kegunaannya dan di mana ianya hendak dikibarkan.

(i) **Bendera Biasa (Standard)**

Lebar	-	91.5 sm (3 kaki)
Panjang	-	183 sm (6 kaki)

Bendera ukuran inilah yang dikibarkan di bangunan, pejabat dan boleh juga dikibarkan di rumah-rumah.

(ii) **Bendera Rumah**

Lebar	-	61 sm (2 kaki)
Panjang	-	122 sm (4 kaki)

Bendera ukuran ini dikhususkan untuk kegunaan rumah-rumah kediaman di mana saiz dan ketinggian tiang-tiang bendera yang dapat digunakan adalah terhad.

(iii) **Bendera Sedang**

Lebar	-	122 sm (4 kaki)
Panjang	-	244 sm (8 kaki)

Bendera berukuran di atas digunakan sebagai penutup keranda bagi mereka yang 'mendapat penghormatan' Negara.

(iv) Bendera Besar

Lebar	-	183 sm (6 kaki)
Panjang	-	366 sm (12 kaki)

Bendera Besar dikibarkan di Kedutaan-Kedutaan Negara kita di luar negara. Dalam negeri ianya dikibarkan di tempat- tempat tertentu sahaja. Untuk mengibarkan Bendera Besar ketinggian tiang bendera hendaklah bersesuaian.

(v) Bendera Meja

Lebar	-	15.25 sm (0.5 kaki)
Panjang	-	30.50 sm (1 kaki)

Bendera ukuran inilah yang digunakan untuk bendera yang diletakkan di atas meja. Ianya digunakan di persidangan, seminar, mesyuarat dan majlis-majlis menandatangani perjanjian.

(vi) Bendera Kereta

Lebar	-	15.25 sm (0.5 kaki)
Panjang	-	30.50 sm (1 kaki)

Bendera Kereta dikibarkan di bahagian hadapan kereta sama ada di tengah-tengah, di hadapan kanan atau kiri kereta. Amalan menggunakan Bendera Kereta hanyalah dikhaskan kepada Pembesar-Pembesar tertentu sahaja iaitu:-

- (i) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (Bendera Peribadi).
- (ii) Pelawat-pelawat negara asing yang mendapat taraf Tetamu Negara/Kerajaan (Bendera Peribadi atau Bendera negara masing-masing).
- (iii) Duta-Duta Negara Asing di Malaysia (Bendera negara masing-masing).
- (iv) Pegawai-pegawai Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia (Bendera Tentera atau Polis Diraja).

TIANG BENDERA

Tiang-tiang yang akan digunakan bagi mengibarkan bendera-bendera hendaklah bersesuaian dari segi ketinggian dan lilitan dengan ukuran bendera. Bendera Besar tidak sesuai dikibarkan pada tiang yang rendah dan kecil. Ketinggian dan lilitan tiang bagi beberapa ukuran bendera disenaraikan seperti berikut:-


Jadual 1: Senarai Ketinggian Dan Lilitan Tiang Bendera

Bil	Ukuran Bendera	Ukuran	
		Tinggi	Garis Pusat
1.	Bendera Biasa (Luar Bangunan) (Dalam Bangunan)	610.00 sm (20')	7.6 sm (3")
2.	Bendera Rumah (Luar Bangunan Kekal) (Dalam Bangunan tidak kekal)	610.00 sm (20')	7.6 sm (3")
		305.00 sm (10')	3.8 sm (1.5")
3.	Bendera Sedang	915.00 sm (30')	7.6 sm (3")
4.	Bendera Besar	1,220.00 sm (40')	15.2 sm (6")
5.	Bendera Meja	40.00 sm (15.75")	1 sm (3/8")
6.	Bendera Kereta	40.00 sm (15.75")	1 sm (3/8")




Bendera Malaysia Kebanggaan Rakyat

Rajah 2: Pemasangan Dua Tiang Bendera



Rajah 3: Pemasangan Tiga Tiang Bendera



CARA-CARA MENGIKIBARKAN BENDERA

Adab Dan Tertib

Bendera adalah lambang kebesaran dan kedaulatan negara. Oleh yang demikian menaik dan menurunkannya hendaklah dalam keadaan dan cara yang sopan. Cara-cara yang sesuai ialah:-

- (i) Sebelum menaikkan bendera ujilah tali temali bendera terlebih dahulu bagi memastikan ianya teguh dan tidak mudah putus hingga menyebabkan bendera jatuh atau melampai tidak tentu kibarannya.
- (ii) Sebelum bendera dinaikkan, pastikan ianya dalam keadaan yang baik.
- (iii) Mereka yang akan menaik dan menurunkan bendera hendaklah berpakaian kemas.
- (iv) Menaik dan menurunkan bendera hendaklah dengan tertib iaitu perlahan-lahan. Apabila mengibarkan bendera separuh tiang, bendera hendaklah dinaikkan sepenuhnya dahulu dan kemudian menurunkannya semula kesepuluh tiang. Apabila menurunkan bendera separuh tiang, langkah pertama ialah menaikkan semula bendera tersebut sepenuhnya dan kemudian menurunkannya terus.
- (v) Bendera janganlah diletakkan di tanah semasa hendak menaikannya.
- (vi) Bendera janganlah dibiarkan meleret ke tanah sewaktu menurunkan-nya tetapi hendaklah ditatang atau diselimpangkan ke bahu apabila ia sampai ke bawah.
- (vii) Selepas digunakan, bendera hendaklah dilipat dan disimpan dengan baik di tempat tertentu supaya tidak dilangkahi dan sebagainya.
- (viii) Bendera tidak seharusnya digunakan untuk mengalas meja atau menutup sesuatu melainkan sebagai memberi kehormatan negara, seperti menutup keranda dalam Istiadat Pemakaman/ Pengkebumian Negara.
- (ix) Bendera yang koyak dan telah bertukar warna adalah dianggap sebagai bendera yang uzur. Bendera yang uzur hendaklah tidak dikibarkan kerana pengibarannya menunjukkan tanda tidak hormat. Ianya hendaklah dimusnahkan dengan cara yang sopan. Caranya ialah dengan membakar bendera tersebut secara tertutup tanpa menunjukkan rasa tidak hormat kepada bendera tersebut.



Menaikkan Bendera Dalam Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan

Tempat:

Bendera Persekutuan dikibarkan di tempat-tempat seperti berikut:-

- (i) Kediaman
- (ii) Kedutaan
- (iii) Bangunan (di luar, dalam atau di atas)
- (iv) Pejabat
- (v) Kapal/Feri/Bot
- (vi) Kapal Terbang
- (vii) Kereta

Hari

Walaupun Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1994 menetapkan Bendera Persekutuan hendaklah dikibarkan pada hari-hari pejabat biasa dan hari-hari Kebesaran Persekutuan dan Negeri, ianya juga bolehlah dikibarkan setiap hari dan di mana berkaitan.

- (i) Sekolah-sekolah hendaklah mengibarkan bendera pada hari-hari persekolahan.
- (ii) Di peringkat negeri, Bendera Persekutuan hendaklah dikibarkan pada hari-hari yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 7 Tahun 1957 iaitu:-
 - (a) Hari Ulangtahun Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
 - (b) Hari Kebangsaan pada 31 Ogos.
 - (c) Lawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Negeri-Negeri.


Masa

Tradisi mengibarkan bendera ialah bendera mulai dikibarkan apabila matahari terbit dan ianya diturunkan waktu matahari terbenam iaitu mulai pukul 7.00 pagi hingga pukul 7.00 petang. Tradisi ini telah menjadi amalan antarabangsa semenjak beratus tahun dahulu terutamanya di dalam Angkatan Tentera.


Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya bendera dikibarkan di bangunan-bangunan Persekutuan mengikut masa yang ditetapkan iaitu:-

- (i) **Bangunan-Bangunan Kerajaan Persekutuan:**
Mengikut waktu pejabat biasa dan dikibarkan terus menerus (*overnight*) sekiranya hari berikutnya adalah Hari Kebesaran/Cuti Umum yang ditetapkan bendera dikibarkan; dan
- (ii) **Sekolah-sekolah:**
Mengikut waktu mulanya kelas pertama dan menurunkannya selepas kelas terakhir tamat; dan
- (iii) **Kapal dan Feri:**
Bendera hendaklah dikibarkan di atas kapal dan feri sepanjang hari.

BENDERA MALAYSIA, NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH PERSEKUTUAN




1. MALAYSIA




2. PERLIS



3. KEDAH




4. SELANGOR




5. PAHANG



8. KELANTAN




7. TERENGGANU




8. JOHOR



9. PERAK




10. NEGERI SEMBILAN



11. MELAKA




12. SARAWAK



13. SABAH



14. PULAU PINANG



15. WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



16. WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

SUSUNAN KEUTAMAAN BENDERA

Susunan keutamaan bendera-bendera ialah seperti berikut:-

- (i) Bendera Malaysia.
- (ii) Bendera Negeri-Negeri (Susunan Keutamaan mengikut Keutamaan D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu dan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri masing-masing).
- (iii) Bendera Wilayah (Susunan Keutamaan mengikut tarikh diwujudkan Wilayah tersebut).
- (iv) Bendera Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.
- (v) Bendera Pertubuhan dan Persatuan; dan
- (vi) Bendera Syarikat.

Keutamaan bendera Malaysia dan Negeri-Negeri ditentukan mengikut Susunan Keutamaan D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu dan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri seperti yang termaktub dalam perkara 70 Perlembagaan Persekutuan. Keutamaan sekarang adalah seperti di Jadual di bawah. Susunan ini akan berubah sekiranya berlaku apa-apa pertukaran dalam Susunan Keutamaan D.Y.M.M. Raja-Raja Melayu dan T.Y.T. Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri disebabkan adanya peralantikan baru.


Jadual 2
Susunan Keutamaan Bendera Malaysia,
Negeri-Negeri dan Wilayah Persekutuan

Keutamaan	Negeri/Wilayah
1	Malaysia
2	Perlis
3	Kedah
4	Selangor
5	Pahang
6	Kelantan
7	Terengganu
8	Johor
9	Perak
10	Negeri Sembilan
11	Melaka
12	Sarawak
13	Sabah
14	Pulau Pinang
15	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
16	Wilayah Persekutuan Labuan

PENENTUAN ARAH PANDANGAN PENGIBARAN BENDERA

Penentuan arah pandangan pengibaran bendera adalah pandangan dari luar bangunan memandang ke arah bangunan. Penentuan ini adalah selaras dengan peraturan sedia ada bagi beberapa negara di dunia, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia. Penetapan arah pandangan bendera adalah seperti berikut:-

Rajah 4: Arah Pandangan Bendera




SUSUNAN DAN KEDUDUKAN BENDERA MALAYSIA APABILA DIKIBARKAN

Susunan dan kedudukan bendera adalah bergantung kepada di mana bendera-bendera tersebut hendak dikibarkan atau dihamparkan. Susunan yang biasa dibuat ialah:

- (i) susunan di luar dan di dalam bangunan;
- (ii) susunan dalam perarakan;
- (iii) susunan dan kedudukan pada dinding/tembok bangunan atau objek yang statik.

**BENDERA MALAYSIA
SEBAGAI SIMBOL
KEDAULATAN NEGARA
DAN KEBANGGAAN RAKYAT**





(i) **Susunan Bendera Di Luar dan Di Dalam Bangunan**

(a) **Susunan Pada Hari Biasa Dan Hari-Hari Kebesaran Persekutuan**

Jika hanya dua bendera dikibarkan di majlis peringkat Persekutuan yang diadakan dalam negeri maka susunannya ialah seperti berikut:-

Rajah 5: Susunan Bagi Dua Tiang Bendera



Jika tiga bendera dikibarkan di majlis peringkat Persekutuan yang diadakan dalam negeri, maka susunannya ialah seperti berikut:

Rajah 6: Susunan Bagi Tiga Tiang Bendera



(b) **Susunan Pada Hari-Hari Kebesaran Negeri**

Jika hanya dua bendera dikibarkan pada majlis peringkat negeri di negeri yang berkenaan maka susunannya adalah seperti berikut:

Rajah 7: Susunan Bagi Dua Tiang Bendera



Jika tiga bendera dikibarkan di majlis peringkat negeri di negeri, maka susunannya ialah seperti berikut:


Rajah 8: Susunan Bagi Tiga Tiang Bendera



(c) **Susunan Apabila Mengibarkan Bendera Persekutuan Dengan Bendera Negeri-Negeri**


Bendera-bendera yang dikibarkan cara sebaris dan keutamaannya bermula dari kiri ke kanan ditunjukkan seperti berikut:

Rajah 9: Pengibaran Bendera Malaysia dan Negeri-Negeri Secara Sebaris




Bendera-bendera yang dikibarkan cara sebaris dan kekananan bermula dari tengah-tengah ditunjukkan seperti berikut:

Rajah 10: Pengibaran Bendera Malaysia Dan Negeri-Negeri Secara Sebaris Dan Kekananan Bermula Dari Tengah-Tengah



Bendera-bendera yang dikibarkan cara dibahagi dua belah dan keutamaannya bermula dari dalam ditunjukkan seperti berikut:

Rajah 11: Pengibaran Bendera Malaysia Dan Negeri-Negeri Secara Dibahagi Dua




(d) Susunan Di Persidangan Antarabangsa

Di persidangan antarabangsa bendera-bendera hendaklah dikibarkan atau disusun mengikut dua cara berdasarkan susunan abjad nama negara-negara berkenaan dan seperti yang telah ditetapkan oleh pertubuhan berkenaan jika ada.




Penggunaan Bendera Malaysia Dalam Mesyuarat G15


Rajah 12: Pengibaran Cara Dibahagi Dua



Rajah 13: Pengibaran Cara Sebaris



Rajah 14: Susunan Bendera Di Atas Meja




Penggunaan Bendera Malaysia Dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-24

(e) **Susunan Di Gedung/Kedai/Rumah**

Bila bendera Malaysia dipasangkan rumah, maka ia hendaklah dikibarkan pada tiang yang dicondongkan ke arah jalanraya. Di deretan gudang/kedai pula, jika dua bendera dipasangkan di dalam Wilayah Persekutuan maka bendera Malaysia mestilah dikibarkan di sebelah kiri dan bendera yang lagi satu sebelah kanan pada tiang yang dicondongkan ke arah jalanraya.


Rajah 15: Susunan Bendera Di Gedung/Kedai/Rumah



(f) **Susunan Dalam Keadaan Bersilang**

Dalam keadaan bendera Malaysia diletakkan bersilang, bendera Malaysia hendaklah diletakkan di sebelah kiri dan di atas bendera yang lain.

Rajah 16: Susunan Bendera Bersilang Dua



Jika bendera Malaysia diletakkan di dalam satu kumpulan bendera negeri dan bendera Swasta, bendera Malaysia hendaklah dikibarkan di tengah-tengah di antara dua bendera dan tiangnya diletakkan terkeatas dari bendera yang lain. Bendera negeri diletakkan di sebelah kiri manakala bendera swasta di sebelah kanan.

Rajah 17: Susunan Bendera Bersilang Tiga



(g) Susunan Semasa Lawatan Negara/Rasmi


Adalah menjadi amalan biasa negara kita memberi kehormatan (courtesy) kepada pelawat itu, maka bendera pelawat diberi keutamaan atas bendera Malaysia. Misalnya semasa lawatan Paduka Yang Mulia Presiden Indonesia, susunan benderanya adalah seperti rajah di bawah.

Rajah 18: Susunan Dua Bendera Semasa Lawatan Negara




- (h) Susunan Bendera Khusus Bagi Acara Dalam Dewan/Bangunan/Stadium


Rajah 19: Susunan Bendera Semasa Seminar




Rajah 20: Susunan Bendera Semasa Mesyuarat




**Rajah 21: Susunan Bendera Semasa Majlis
Perundangan/Perbincangan**



**Rajah 22: Susunan Bendera Semasa
Majlis Perundangan/Perbincangan Dua Negara**



Rajah 23: Susunan Bendera Dalam Acara Sukan




(ii) **Susunan Bendera Dalam Perarakan**

(a) **Bendera Berkibar**


Jika bendera diarak secara sebaris, bendera Malaysia hendaklah mendahului bendera-bendera lain.

Rajah 24: Susunan Bendera Sebaris



Jika bendera diarak secara sederet bendera Malaysia hendaklah diletakkan di tengah-tengah di antara bendera-bendera tersebut ataupun di tengah-tengah dan terkehadapan sedikit dari bendera-bendera lain.

Rajah 25: Susunan Bendera Sederet



(b) Bendera Terbentang

Jika bendera dibawa berarak secara terbentang, bahagian kepala bendera hendaklah diusung mendahului perarakan sama seperti jika ianya dibawa dengan tiang bendera.




Bendera Diarak Secara Terbentang

(iii) **Susunan Dan Kedudukan Pada Dinding/Tembok Bangunan Atau Objek Yang Statik**


Apabila bendera Malaysia dipamerkan atau dilukis pada dinding, tembok bangunan atau objek yang statik, Bahagian Bulan Bintang atau kepala bendera hendaklah terletak di sebelah kiri, dipandang dari hadapan.

Rajah 26: Kedudukan Bendera Pada Dinding



Apabila bendera Malaysia dibentangkan di belakang tempat berucap, ia mestilah dibentangkan terkeatas dan di belakang orang yang berucap.

Rajah 27: Kedudukan Bendera Di tempat Berucap




Apabila dua atau lebih bendera dipamerkan di dinding, keutamaan hendaklah diberikan kepada bendera Malaysia. Susunannya sama seperti susunan mengibarkan bendera Malaysia dan negeri-negeri. Di Majlis-majlis sempena lawatan negara/rasmi jika bendera negara pelawat dan bendera Malaysia dipamerkan, kedudukan bendera negara pelawat ialah di sebelah kiri dan bendera Malaysia di sebelah kanan dipandang dari hadapan.

Rajah 28: Kedudukan Dua Bendera Pada Dinding




Rajah 29: Kedudukan Pengibaran Bendera Pada Hari-Hari Biasa



CARA MENGHORMATI BENDERA

- (i) Sebagai lambang kebesaran dan kedaulatan negara



Rajah 30: Jika anda seorang awam yang memakai baju Melayu dan bersongkok, maka anda hendaklah berdiri tegak dengan kedua belah tangan diluruskan ke bawah.



Rajah 31: Jika anda seorang awam dan memakai lain-lain pakaian, anda juga mestilah berdiri tegak dengan kedua tangan diluruskan ke bawah.



Rajah 32: Jika anda seorang awam yang memakai topi, maka topi tersebut mestilah dibuka dan diletakkan di dada di sebelah kiri.

(ii) **Sebagai tanda berkabung**

Bendera dikibarkan separuh tiang sebagai tanda berkabung di atas peristiwa tertentu seperti kemangkatan atau meninggal dunia pembesar-pembesar Negara dan pembesar-pembesar Negara Asing. Arahan mengenai pengibaran bendera setengah tiang ini akan dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak berkuasa negeri bagi negeri-negeri berkenaan. Di antara peristiwa-peristiwa tersebut ialah:-

- (a) Kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong (pada hari pengisytiharan kemangkatan sehingga hari pemakaman).
- (b) Kemangkatan D.Y.M.M. Raja-raja dan D.Y.M.M. Raja-raja Permaisuri (pada hari pengisytiharan kemangkatan sehingga hari pemakaman).
- (c) Tuan-tuan Yang di-Pertua Negeri dan isteri-isteri (pada hari pengisytiharan sehingga hari pengkebumian).
- (d) Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Pemangku Perdana Menteri (pada hari pengisytiharan sehingga hari pengkebumian).



*Kedudukan Pengibaran Bendera
Separuh Tiang*

(iii) Sebagai tanda menghormati jenazah

Bendera Malaysia boleh menutup keranda di dalam Istiadat Permakaman/ Pengkebumian Negara ataupun ketika membawa balik jenazah yang meninggal dunia di luar negara:-



- (a) Pembesar-pembesar negara.
- (b) Duta-duta Malaysia.
- (c) Anggota tentera yang meninggal dunia ketika menjalankan tugas.



Bendera Malaysia Digunakan Untuk Menutup Keranda Jenazah Almarhum Tunku Abdul Rahman Sebagai Penghormatan Terakhir Negara

CARA MEMBUAT BENDERA

Pada asasnya masyarakat telahpun mengenali bentuk bendera kita. Namun demikian masih ramai yang kurang memahami cara membuat bendera Malaysia yang tepat. Walaupun bendera boleh dibuat sebesar mana yang kita kehendaki, tetapi ianya mempunyai kadar ukuran yang telah ditetapkan agar corak bendera kita tidak akan berubah sewenang-wenangnya seperti yang banyak berlaku pada hari ini. Jika sekiranya ukuran kadarnya berubah maka bentuk bendera juga akan turut berubah. Ukuran bendera Malaysia yang standard ialah 91.5 sm (3 kaki) lebar dan 183 sm (6 kaki) panjang. Nisbah yang betul bagi bendera Malaysia ialah 1:2. Cara membuat bendera Malaysia yang tepat adalah seperti berikut:-



LAGU BENDERA KU

(Rentak Lagu March)

Bendera ku yang gagah perkasa
Merah putih kuning biru warnanya
Berkibar megah penuh bercahaya
Pusaka kita rakyat Malaysia

Bendera Malaysia oh bendera ku
Ku pertahankan sepenuh raga ku
Dikaulah lambang negara berpadu
Di bawah naungan Duli Tuanku

Berkibar terus oh bendera ku
Kau kan ku junjung sepanjang waktu
Harumlah nama negara yang tercinta
Padamu tempat taat dan setia

Bendera Malaysia bendera kita
Kemegahan rakyat kita semua
Berkibar berkibar di ruang angkasa
Dirgahayu bendera kita

Ciptaan : Tony Fonseka
Senikata : Tony Fonseka

BENDERA KU



Ben de ra ku ya. ga jay per ku sa Me rah ya tin ku ning hi ru war na



nyh Ber ki bar me pah pe noh ber ca ha ya tu na



ka ki Ta rak yat Na Lay ni ta Ben de ra Na Lay sia



oh ben de ra ku ku per ta han kon se pe nu ru ga ku Di



kau lah lam bang te ga ra ber pa du ti ta wan na u ngan da li Tuan



ku Ber ki bar te rus oh ben de ra ku ku kan



ku Jan Jung se pon Jung wak ta ila run lah na ma - ne ga



ra ya ter cin ta la da ma tempat ta at dan se - tia Ben de



ra Na Lay sia ben de ra ki ta Ke me ga han rakyat ki ta se



ma Ber ki bar ber ki bar di rus ng ang ka an



Dir ga ha ya - ben de ra kf ta



Suntingan oleh:
AMIDAH BINTI HAMIM
Bahagian Penerbitan,
Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

Rekabentuk Kulit oleh:
OMAR OTHMAN
Bahagian Pengeluaran Visual,
Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.